

06 JUN 2003

OPERASI BERJAYA LUMPUHKAN INDUSTRI VCD HARAM, KATA NORIAN

PUTRAJAYA, 6 Jun (Bernama) -- Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai hari ini menyifatkan operasi membanteras penjualan dan pengedaran video cakera padat (VCD) lucah dan haram oleh pihak berkuasa dalam tempoh dua minggu sehingga esok, berjaya melumpuhkan kegiatan haram itu.

Beliau berkata berdasarkan maklumat yang diperolehinya, hampir kesemua serbuan yang dilaksanakan berjaya mematahkan aktiviti penjualan dan pengedaran VCD seumpama itu.

"Ini meyakinkan saya bahawa sasaran yang ditetapkan akan dicapai sehingga Ahad ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyerahan surat setujuterima dan menandatangani dokumen kontrak bagi projek-projek Kementerian Dalam Negeri.

Norian sebelum ini mengarahkan semua polis negeri membanteras aktiviti pengedaran dan penjualan VCD cetak rompak dan lucah dalam tempoh dua minggu bermula 26 Mei lepas selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kekhawatirannya mengenai masalah itu.

Berikutan itu pihak berkuasa melancarkan operasi besar-besaran di seluruh negara dalam usaha melumpuhkan kegiatan berkenaan.

-- BERNAMA

RIZ ROS